

Kesan Pengantara Membaca dan Hubungannya dengan Kesedaran, Persepsi dan Sikap Terhadap Kepuasan Membaca *IIUMToday*

Aini Maznina Abdul Manaf*

Saadah Wok

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Emel perhubungan: maznina@iium.edu.my

Abstrak

IIUMToday, adalah akhbar kampus yang mula diterbitkan pada 1 Mei 2014. Akhbar ini telah diurus dan diterbitkan oleh para pelajar di bawah naungan Jabatan Komunikasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kajian ini mengukur tahap kepuasan para pembacanya berpandukan objektif berikut (1) untuk menentukan tahap persetujuan para pengguna tentang tujuan mereka mengakses laman web IIUM Today, kesedaran, persepsi, sikap, tabiat membaca dan kepuasan para mahasiswa di UIAM; (2) untuk menentukan tahap persetujuan responden tentang tujuan melayari laman web IIUM Today, kesedaran, sikap, tabiat membaca dan kepuasan para pelajar di UIA terhadap laman web itu; (3) untuk menguji hubungan antara kesedaran, persepsi, sikap dan tabiat membaca dengan kepuasan; dan (4) untuk menentukan kesan perantaraan tabiat membaca di laman web IIUMToday dengan kepuasan. Kajian ini dilaksanakan mengikut rekabentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 104 respondents yang dikenal pasti sebagai pembaca IIUMToday telah bersetuju menjadi responden. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap sederhana dalam kesedaran, persepsi, sikap, tabiat membaca dan kepuasan dalam melayari laman web berkenaan. Hubungan antara semua pemboleh ubah yang dikaji adalah positif. Kajian ini juga menunjukkan tabiat membaca sebahagiannya menjadi perantara antara peramal dan kriteria.

Kata Kunci: Sikap, Kesedaran, Persepsi, Tabiat Membaca, Kepuasan dengan Akhbar Kampus